

ULASAN BUKU

Nostalgia Sri Tarina, Seleksi Tandak Melayu Sarawak
Mahmud Zamudin Mat
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak

Diulas oleh Azuan bin Jemat
Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak
01 September 2022

Naskah Nostalgia Sri Tarina, Seleksi Tandak Melayu Sarawak yang dikarang oleh Zamudin bin Mat atau Mahmud setebal 130 halaman mengandungi 5 bab yang fokus utama penulisannya berkisarkan kepada sejarah Sri Tarina sebagai kumpulan penggiat seni di Sarawak dan memaparkan kesenian tarian Melayu di Sarawak yang dikenali sebagai istilah "*Tandak*" dalam Bahasa Melayu Sarawak. Sri Tarina telah mengimbuai Kembali pengasasan dalam memaparkan sejarah awal yang menjadi tanda kenangan masa bahawa kewujudan Sri Tarina sangat penting kepada aktivis budaya dan seni di Kuching Sarawak. Penulis telah mencatatkan tarikh kewujudan Sri Tarina telah ditubuhkan pada 28 April 1968.

Buku ini disifatkan julung kali diterbitkan dengan tema utama penulisan yang berkisarkan tentang riwayat dan sejarah awal SRI TARINA yang diperkirakan belum pernah ditulis oleh mana-mana penulis apatah lagi dikaji oleh mana-mana pengkajian seni budaya khususnya di Sarawak. Apa yang jelas matlamat utama usaha penghasilan karya ini berobjektifkan kepada pengkisahan SRI TARINA dan mendokumentasikan sejarah SRI TARINA dan Tandak Melayu Sarawak. Kandungan buku ini dipecahkan kepada dua bahagian sebagai komponen utama iaitu SRI TARINA dan Tandak Melayu Sarawak. Bahagian pertama dalam buku ini menonjolkan juga beberapa tokoh penting dalam pengasasan SRI TARINA antaranya Bapa Budayawan Haji Hasbie Sulaiman di awal penubuhannya sekitar tahun 60-an iaitu pada tahun 1968.

Pada masa itu di bawah penyeliaan dan penaungan pentadbirannya dibawah Unit SABERKAS Badan Muafakat Kampung No. 4, Kuching. Pada peringkat awal penubuhan Sri Tarina di anggotai seramai 8 orang penari lelaki dan perempuan sehingga Sri Tarina terus berkembang maju menjadi KARTIKA SARI dan ARTISTIKA. Perkembangan seterusnya menyaksikan waktu pada tahun 1977 atas saranan mantan Ketua Menteri Sarawak Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub telah menukar nama Sri Tarina kepada SRI SARAWAK. Pada masa yang sama, Sri Tarina juga mempunyai penari yang bukan dalam kalangan orang bukan Melayu seperti Sim Siew Chen, David Lee, Lim Pek Choo dan Tan Siaw Ling.

SRI TARINA sebuah nama besar yang megah di Sarawak jika mengatakan berkaitan perihal kesenian tandak di Sarawak malah dikenali sehingga di Semenanjung Malaysia. Hal ini kerana, semangat yang dipegang dan menjadi prinsip teras utama dalam SRI TARINA. Buktinya dapat dilihat dari cogan kata pada logo Sri Tarina iaitu Bersatu Dalam Seni, Rentak 1000 Pentas Satu. Dengan tekad sedemikian telah menjadikan SRI TARINA juga menjadi rujukan untuk tarian Melayu, kontemporari, kreatif dan tradisional. Selain itu, nama SRI TARINA amat dikenali dalam kalangan bidang seni tarian sama ada peringkat negeri Sarawak mahupun peringkat kebangsaan malah hingga ke peringkat luar negara.

Dalam membuktikan kejayaan yang dikecapi oleh SRI TARINA dengan pencapaian gemilang di peringkat kebangsaan sejak bermula dari tahun 1969 memenangi johan tarian peringkat Negeri Sarawak anjuran Gabungan Kelab-kelab Belia Melayu Sarawak yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah St. Teresa Kuching pada setiap tahun sehingga pada tahun 1981. Pada tahun tersebut kumpulan SRI TARINA telah diberi penghormatan dan kepercayaan untuk menjadi wakil Negeri Sarawak ke Festival Tarian dan Drama Malaysia 1981 ke Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia yang bertempat di Dewan Panggung Eksperimen Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Keunikan dan variasi yang dipersembahkan oleh SRI TARINA berjaya memukau juri hakim dan para penonton yang menyaksikan persembahan yang bermutu kualiti tinggi sewaktu dipentas arena persembahan mahupun pertandingan. Pencapaian gemilang kumpulan SRI TARINA dalam pertandingan peringkat kebangsaan dapat dilihat pada tahun 1974 dengan berjaya memenangi tempat johan Tarian Rampaian dalam pertandingan Tarian dan Drama di peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia bertempat di Dewan Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Sabah. Tarian Jinak-Jinak Merpati merupakan karya terindah yang dipersembahkan oleh SRI TARINA yang begitu indah ragam tari dan penuh dengan kreatif falsafah dalam tarian sehingga dikatakan sebuah hasil karya yang mendahului zaman.

Manakala pada tahun 1977 sekali lagi SRI TARINA terlibat dalam pertandingan Tarian dan Drama bagi peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia bertempat di Dewan Panggung Eksperimen Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kehebatan SRI TARINA juga semakin menyerlah dan mendapat perhatian media massa sehingga dijemput untuk membuat persembahan dalam siaran televisyen mahupun jempunan acara rasmi sesuatu majlis. Pada tahun 1974, SRI TARINA telah membuat rakaman rancangan televisyen pertama (hitam putih) dengan menampilkan Tarian Jinak-Jinak Merpati yang merupakan tarian yang memenangi johan Rampaian Peringkat Kebangsaan 1974 di Auditorium Radio Televisyen Malaysia Angkasapuri Kuala Lumpur anjuran Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia. Peringkat antarabangsa SRI TARINA pernah diundang untuk mewakili negara dalam persembahan kebudayaan seperti undangan persembahan di Australia dan Brunei Darussalam.

Pada tahun 1977, SRI TARINA telah diundang oleh Australian Horti-Culture Society di Fremantle Perth Australia untuk mengadakan lawatan dan persembahan kebudayaan Sarawak serta ini merupakan lawatan pertama SRI TARINA ke luar negara. Pada tahun yang sama, SRI TARINA turut diundang untuk mengadakan persembahan kebudayaan ke Bandar Seri Begawan dan Temburong, Brunei Darussalam bersempena dengan Malam Kebudayaan Malaysia, bersama rombongan Kebudayaan dari Kompleks Budaya Negara, Kuala Lumpur. Manakala pada 1980, sekali lagi SRI TARINA diundang oleh Tentera Laut Di-Raja Brunei ke negara Brunei untuk persembahan kebudayaan bersempena dengan ulang tahun ke-35

Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Dipertua Sri Muda Hassanah Bolkiyah Muizzadin Waddaulah.

Pendiri SRI TARINA telah diasaskan oleh beberapa nama penting yang bertanggungjawab dalam urus tadbir dan juga bertindak sebagai *koreografer*. Antara nama penting tersebut adalah seperti Nur Djajadi Djasan yang pernah menjadi juara serampang 12 di peringkat DKI Jaya. Beliau juga pernah menabur khidmat bakti di Lembaga Kesenian Jakarta (LKJ) di bawah arahan Allahyarham Bapa Syaugi Bustami. Berpengetahuan luas dalam bidang tarian telah menarik hati Allahyarham Tan Sri Datuk Amar Abang Yusuf Putih untuk datang ke Sarawak bagi mendidik penari-penari Sarawak. Antara asas tarian yang diajarkan oleh beliau adalah seperti Lenggang Patah Sembilan, Mak Inang Pulau Kampai dan Tanjung Kantong. Bersama-sama beliau terdapat beberapa koreografer penting yang berjaya memartabatkan kesenian dalam SRI TARINA. Antaranya Allahyarham Saugi Bustami yang mahir bermain alat muzik seperti piano, koreografer Haji Zamudin Mat (Penulis) dan Encik Affendi Sebli serta Alen Ling.

Bahagian kedua buku ini pula menjelaskan beberapa seleksi tandak Melayu Sarawak dan kesenian Melayu Sarawak. Antaranya seperti tandak Melayu Sarawak, Tarian Zapin Sindang, Tarian Zapin Sebat dan Kesenian Hadrah dan Rodat Sarawak. Tandak Melayu Sarawak banyak berkisarkan seni tradisional Melayu Sarawak iaitu Gendang Melayu Lama. Tradisi bergendang merupakan seni tradisional orang Melayu Sarawak yang amat terkenal diseluruh pelusuk negeri Sarawak. Manakala Tarian Zapin Sebat dan Zapin Sindang turut dipaparkan dalam buku ini sebagai usaha melestarikan tarian ini agar kekal diketahui dalam kalangan generasi masa kini. Pelbagai gerak langkah dan ragam yang terdapat pada kedua-dua tarian ini didokumentasi sebagai rujukan ilmu pengetahuan yang harus dipelajari khusus dalam kalangan pengiat seni warisan.

Hadrah dan Rodat merupakan satu persembahan yang berbentuk gabungan beberapa elemen kesenian iaitu muzik, nyanyian dan tarian dalam masyarakat Melayu Sarawak. Sejarah awal persembahan Hadrah dan Rodat ini asal mulanya adalah dari negeri Hadralmaut Yaman Selatan dan diperkirakan masuk ke Sarawak melalui Pontianak Sambas dan Serasan (Pulau Serasan). Hadrah adalah merupakan alunan zikir bagi memuji kebesaran dan kemuliaan Nabi Muhammad S.A.W yang diiringi dengan paluan Tar sejenis gendang kecil serta ditarikan oleh penari yang juga disebut PERODAT atau penjawab. Manakala perkataan TAR adalah berasal dari perkataan TAHARFIRU yang bermaksud terbang dan mengikut dialek tempatan adalah terbang.

Manakala Tarian Zapin sering dipersembahkan di Sarawak terutama di daerah kampung persisir pantai. Sejarah awal Tarian Zapin berasal dari Yaman (Hadralmaut) yang dibawa masuk ke nusantara oleh pedagang dan pendakwah Islam dan seterusnya ke Sarawak melalui Sambas Indonesia. Orang Melayu Sarawak mempelajari kesenian muzik dan zapin yang berbaur senitari dengan keadaan masyarakat tempatan. Pada awalnya tarian zapin ini hanya diiringi dengan petikan gambus dan paluan rebana kecil yang disebut Tar serta menggelar tarian zapin dengan sebutan JEPIN. Secara toponomy, tarian Zapin Sindang dikatakan berasal dari sebuah kampung di Kota Samarahan yang dinamai Sindang manakala tarian Zapin Sebat berasal dari Kampung Sebat yang terletak di daerah kecil Sematan dalam daerah Lundu Bahagian Kuching.

Selain menggunakan sumber-sumber primer, iaitu bahan yang belum pernah diterbitkan, penulis juga banyak menggunakan sumber-sumber rujukan terutama artikel yang pernah ditulis

oleh pengarang semasa di Kementerian Pembangunan Sosial bagi mengukuhkan pandangan dan hipotesis tentang kesenian dan kebudayaan yang terdapat di Negeri Sarawak. Sumber-sumber lisan juga digunakan oleh pengarang terutama dalam merakamkan pengalaman para penari SRI TARINA. Memandangkan dapatan kandungan buku ini banyak berdasarkan gambar-gambar lama koleksi simpanan peribadi penulis, jelaslah autentik dan kekuatan buku ini sangat berharga dan bernilai tinggi jika dilihat dari tinggalan khazanah warisan.

Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan nyata yang menjadi dapatan dalam buku ini. Antaranya ialah perkara mengenai kisah penuh bagi SRI TARINA yang hanya dimuatkan di peringkat awal penggagasan. Penulis dilihat seolah-olah masih menyimpan memori kenangan yang sangat mendalam bagi SRI TARINA yang tidak dikeluarkan habis dalam karya penulisan buku ini. Kesenambungan SRI TARINA masih dapat diselusuri dengan mendalam dari masa dan tahun tertentu sehinggalah pada masa kini. Sudah pasti ahli-ahli SRI TARINA turut menyimpan kenangan pahit dan manis ketika bersama SRI TARINA dimasa kegemilangan mahupun masa SRI TARINA hilang ditelan zaman mengikut peredaran waktu dan masa. Sungguhpun sangat diyakinkan bahawa buku ini akan meninggalkan kesan-kesan ingatan yang mendalam sehingga akan mengundang beberapa siri kajian dan penulisan lanjutan oleh penulis, pengkaji pencinta seni ataupun ahli SRI TARINA yang berminat untuk mengekalkan seni warisan dan legasi kegemilangan SRI TARINA.

Dengan terhasilnya buku ini diucapkan tahniah dan syabas kepada pengarang buku ini kerana telah berjaya menerbitkan buku ini sebagai jejak langkah awal kepada penerokaan, penulisan seterusnya tentang budaya warisan kesenian tandak Melayu Sarawak dan SRI TARINA khususnya. Buku seperti ini amat diperlukan dan sangat berguna bagi generasi muda dan para belia yang mencintai sanggar seni tarian, para pelajar serta komuniti masyarakat yang ingin mengetahui sejarah awal kewujudan SRI TARINA. Apa yang diharapkan, mudah-mudahan usaha pengarang buku ini dapat memberi suntikan semangat kepada para pengkaji di luar sana untuk membuat kajian lanjutan dalam menambahkan khazanah warisan di Sarawak umumnya. Usaha-usaha berterusan seharusnya dilakukan dari semasa ke semasa kerana masih banyak ilmu pengetahuan tentang Melayu Sarawak yang masih terpinggir. Hal ini berlaku kerana maklumat mengenainya masih belum ditemui dan memerlukan usaha yang kental dan jitu apatah untuk menerbitkannya sebagai bahan bacaan umum sekali gus memartabatkan masyarakat seni dan dikembalikan seni untuk masyarakat dengan penerbitan bahan bacaan.